PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 MAY 2017

Malaysia, Laos perkukuh kerjasama sains, teknologi

BH- 10/5/2017

Kongsi kepakaran, pengetahuan bagi tingkat ekonomi dua negara



Najib bersama Thongloun menyaksikan pertukaran MoU *antara Madius Tangau (kanan) dan Boviengkham selepas mesyuarat dua hala di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya semalam.*

Oleh Irwan Shafrizan Ismail dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Malaysia dan Laos semalam menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dalam bidang sains, teknologi dan inovasi bagi memperkukuh kerjasama dalam bidang berkenaan.

Majlis MoU itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan rakan sejawatnya dari Laos, Dr Thongloun Sisoulith, di Perdana Putra, di sini.

MoU ditandatangani Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau dan Menteri Sains dan Teknologi Laos, Prof Boviengkham Vongdara.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, dalam satu kenyataan semalam berkata, menerusi MoU itu, kedua-dua negara akan berkongsi kepakaran dan pengetahuan, selain memanfaatkan keupayaan saintifik serta teknologi bagi meningkatkan ekonomi kedua-dua negara.

"Menerusi perjanjian berkenaan, satu jawatankuasa bersama berkaitan bidang itu akan dibentuk bagi mengenalpasti bidang keutamaan, pelan, koordinasi dan pemantauan kerjasama dua hala dalam bidang sains serta teknologi, terutama dalam sektor bioteknologi, pembangunan standard selain keselamatan siber," katanya.

Terdahulu, Thongloun yang dalam lawatan rasmi dua hari ke negara ini, tiba di Dataran Perdana, Perdana Putra di sini kira-kira jam 10.15 pagi semalam dan disambut Perdana Menteri serta barisan Menteri Kabinet sebelum diberi sambutan rasmi, disusuli mesyuarat bersama dan majlis makan tengah hari di Seri Perdana.

Sementara itu, Wisma Putra dalam satu kenyataan semalam, berkata lawatan julung kali Thongloun ke negara ini menggambarkan keutamaan diberikan Laos terhadap hubungan dua halanya dengan Malaysia, terutama bagi meningkatkan kerjasama dalam bidang pelaburan.

Fakta nombor

RM4.3 BILION
jumlah pelaburan Malaysia di Laos

31,061 PELANCONG
Laos ke Malaysia tahun lalu

Teroka industri halal

"Susulan perkembangan positif dalam kerjasama ekonomi dua hala, Perdana Menteri mencadangkan kedua-dua negara meneroka potensi kerjasama dalam membangunkan industri halal bagi mempelbagaikan lagi kegiatan perdagangan.

"Kedua-dua Perdana Menteri bersetuju bahawa interaksi yang semakin meningkat pada semua peringkat menjana persefahaman yang lebih baik dan mengukuhkan jalinan persahabatan antara Malaysia serta Laos.

"Jumlah perdagangan antara Malaysia dan Laos dilihat semakin meningkat setiap tahun. Pada 2016, jumlah perdagangan Malaysia dengan Laos adalah sebanyak AS$30.96 juta (RM133 juta) berbanding AS$17.7 juta (RM76 juta) pada 2015," katanya.

Mengenai bidang pendidikan dan pembangunan sumber manusia, menurut kenyataan itu, Perdana Menteri menggalakkan lebih ramai pelajar dan pegawai Laos memohon Biasiswa Antarabangsa Malaysia (MIS) serta biasiswa Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP), selain melanjutkan pelajaran di universiti awam atau institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia.

"Perdana Menteri turut mengumumkan bahawa lebih banyak biasiswa akan ditawarkan kepada pelajar Laos dan kedua-dua pemimpin juga bersetuju untuk bekerjasama memerangi keganasan global demi keamanan, kestabilan dan keselamatan yang berterusan di rantau Asia Tenggara dan ASEAN," katanya.